

## KUASA HEGEMONI DAN KESTABILAN EKONOMI POLITIK ANTARABANGSA

*Mohd. Noor Mat Yazid*  
*Program Hubungan Antarabangsa,*  
*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan,*  
*Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.*

### **Abstrak**

*Artikel ini membincangkan kepentingan Teori Kestabilan Hegemoni dalam memahami pembentukan kestabilan dan ketidakstabilan ekonomi politik antarabangsa. Mengikut teori ini, peranan yang dimainkan oleh sesebuah kuasa hegemoni sangat penting dalam membentuk kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa. Tanpa kewujudan sebuah kuasa hegemoni yang betul-betul kuat dalam sistem antarabangsa, maka kestabilan antarabangsa sukar untuk diwujudkan. Data-data sekunder digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis peranan yang dimainkan oleh kuasa hegemoni dan kestabilan antarabangsa. Kajian ini merumuskan bahawa peranan yang dimainkan oleh sesebuah kuasa hegemoni sangat penting dalam membentuk kestabilan dalam ekonomi politik antarabangsa. Ketidakstabilan politik antarabangsa dan kemelesetan ekonomi dalam dekad-dekad sebelum Perang Dunia Kedua 1939 meletus mempunyai hubungan rapat dengan ketiadaan sebuah kuasa hegemoni yang benar-benar kuat dan berupaya memainkan peranan yang berkesan dalam sistem antarabangsa. Great Britain telah berada dalam keadaan terlalu lemah (dalam tempoh 1919–1939) dan Amerika Syarikat pula enggan (atau belum benar-benar mampu) memainkan peranan sebagai kuasa hegemoni baharu menggantikan Great Britain. Sementara itu, Liga Bangsa-Bangsa tidak berfungsi dengan berkesan dalam tahun-tahun 1930-an kerana tidak wujud sebuah kuasa hegemoni yang benar-benar kuat. Keadaan ekonomi dan politik antarabangsa yang lebih baik dan stabil selepas tahun 1945 banyak dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat sebagai kuasa hegemoni baharu. Sesebuah institusi antarabangsa tidak mungkin dapat berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya tanpa sokongan kuat daripada sebuah kuasa hegemoni.*

**Kata kunci:** *Theori Kestabilan Hegemoni, kuasa hegemoni, Great Britain, Amerika Syarikat, institusi antarabangsa, kestabilan antarabangsa.*

## **Abstract**

This paper discusses the importance of the Theory of Hegemonic Stability in understanding the stability and instability in the international political economy. According to this theory, the role played by a hegemonic power is very important in creating stability in international politics and economy. Without strong hegemony, the creation of international stability is impossible. The secondary data since early twentieth century was used in analysing the relationship between role of the hegemonic power and international stability. The study concludes that the hegemonic power was very important in creating stability in international political economy. The political instability and economic depression in the decades before Second World War closely related with the absence of strong hegemonic power in the international system. Great Britain was very weak (during the period 1919–1939) and the United States refused to take the role as a new hegemonic power. The League of Nations was not well function in the 1930's because of the lack of hegemonic power. The better and stable situation in international politics and economy after 1945 was strong influenced by the role played by the United States as a new hegemonic power. The international institution is impossible to run smoothly without strong support by a hegemonic power.

**Keywords:** Theory of Hegemonic Stability, hegemonic power, Great Britain, The United States of America, international institution, international stability.

## **Pengenalan**

Artikel ini membincangkan peranan kuasa hegemoni dan hubungannya dengan kestabilan ekonomi politik antarabangsa. Sejauh manakah pentingnya pengaruh dan peranan kuasa hegemoni dalam membentuk kestabilan antarabangsa? Apakah kuasa hegemoni ini benar-benar penting dalam mewujudkan kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa? Perbincangan dalam artikel ini cuba melihat peranan yang dimainkan oleh kuasa hegemoni dalam separuh pertama dan kedua abad ke-20. Lebih khusus, kenapa berlaku ketidakstabilan dalam

tahun-tahun selepas Perang Dunia Pertama berakhir, 1918 hingga Perang Dunia Kedua berakhir pada September 1945? Kenapa berlaku ketidakstabilan dalam tempoh masa antara dua Perang Dunia ini (*inter-war period*) khususnya dalam tahun-tahun 1919–1939 sehingga Perang Dunia Kedua 1945 tamat. Kenapa pula darjah kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa berbeza dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua tamat sehingga beberapa dekad kemudiannya? Adakah kestabilan yang terbentuk selepas Perang Dunia Kedua itu dipengaruhi oleh peranan yang dimainkan oleh kuasa hegemoni Amerika Syarikat atau sebab-sebab lain yang tiada kaitan dengan pengaruh yang dimainkan oleh kuasa hegemoni?

Perbincangan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertamanya, perbincangan ringkas tentang apa itu kuasa hegemoni dan peranannya. Kedua, kenapa berlaku ketidakstabilan ekonomi politik dunia dalam dekad-dekad sebelum Perang Dunia Kedua? Ketiga, kenapa terbentuknya kestabilan ekonomi politik dunia selepas Perang Dunia Kedua? serta hubungannya dengan kuasa hegemoni dan; akhir sekali adalah perbincangan dan rumusan.

### **Kuasa Hegemoni dan Peranannya**

Kuasa hegemoni adalah merujuk kepada sebuah kuasa dominan dalam sesebuah sistem antarabangsa di mana peranan yang dimainkan mempunyai hubungan rapat dengan kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa.<sup>1</sup>

Kuasa hegemoni ini berupaya membentuk kestabilan antarabangsa. Kuasa hegemoni inilah yang berupaya membentuk peraturan antarabangsa, memastikan ia berjaya dilaksanakan<sup>2</sup> dan juga menghukum anggota yang melanggar peraturan yang dibentuk dan dipersetujui bersama. Bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang dibentuk dihormati dan berperanan, maka mana-mana negara yang melanggar peraturan hendaklah dikenakan hukuman. Hukuman ke atas negara yang melanggar peraturan adalah penting kerana sekiranya tidak dihukum, ia akan membawa ancaman kepada sesebuah kuasa hegemoni serta kepada ketidakstabilan antarabangsa.<sup>3</sup> Kejayaan melaksanakan hukuman ke atas negara yang melanggar peraturan yang ditetapkan juga adalah lambang kekuatan sesebuah kuasa hegemoni. Sesebuah kuasa hegemoni yang lemah tidak akan mampu menghukum jika berlaku pelanggaran hukum

yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama. Bagaimanakah hukuman kepada penceroboh itu boleh dilakukan? Ia memerlukan sebuah kuasa besar yang benar-benar berpengaruh, iaitu kuasa hegemoni. Sekiranya dalam sistem itu ada kuasa yang boleh menghukum, bermakna wujud kuasa hegemoni yang berkesan dan kuat. Andainya sesebuah kuasa yang dikatakan sebagai kuasa hegemoni, tetapi gagal bertindak ke atas penceroboh atau pelanggar undang-undang, itu menandakan kuasa hegemoni itu lemah atau kedudukannya sebagai sebuah kuasa hegemoni akan berakhir dalam tempoh masa yang singkat. Hal ini berlaku kepada Great Britain dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Pertama di mana negara ini gagal bertindak ke atas negara yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Liga Bangsa-Bangsa. Tindakan Jepun melakukan serangan ke atas Manchuria pada 1931 dan tindakan Itali melanggar Ethiopia pada 1934 adalah melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Liga Bangsa-Bangsa. Great Britain tidak melakukan tindakan menghukum kedua-dua buah negara penceroboh itu. Perkara ini berlaku kerana Great Britain adalah sebuah kuasa hegemoni yang lemah selepas Perang Dunia Pertama.<sup>4</sup>

Kekuatan sesebuah kuasa hegemoni itu dapat dilihat daripada beberapa aspek. Dua aspek yang paling penting adalah aspek ekonomi dan politik (serta ketenteraan). Sekiranya sesebuah kuasa hegemoni (dan kuasa *counter-hegemony*) itu mempunyai kekuatan dalam dua aspek ini, maka kuasa itu mempunyai pengaruh yang kuat dan berkesan dalam memainkan peranannya.<sup>5</sup> Namun sebaliknya jika kekuatan ekonomi sesebuah kuasa hegemoni itu lemah, ia akan turut memberi kesan terhadap kekuatan politik dan kuasa ketenteraan. Kuasa hegemoni Great Britain mulai lemah dalam tahun-tahun awal selepas Perang Dunia Pertama setelah mengalami kesan ekonomi yang buruk akibat daripada perbelanjaan peperangan yang besar dalam empat tahun (1914 hingga 1918).<sup>6</sup> Selepas mengalami kemelesetan ekonomi selepas Perang Dunia Pertama, Great Britain tidak dapat memainkan peranan yang berkesan dan pengaruhnya mulai lemah. Faktor kelemahan ekonomi ini mempengaruhi kuasa politik dan ketenteraan. Keadaan yang sama juga berlaku kepada kuasa 'counter-hegemony' Soviet Union yang mengalami kelemahan ekonomi mulai pertengahan tahun 1980-an. Ia menjadi lemah dan pengaruhnya menurun sehingga runtuh pada tahun 1991. Kekuatan ekonomi mempunyai hubungan yang rapat dengan kuasa ketenteraan dan pengaruh politiknyanya.<sup>7</sup>

Sesetengah sarjana melihat kekuatan dan kelemahan sesebuah kuasa hegemoni itu tidak memadai dengan hanya meneliti daripada dua aspek ekonomi dan politik sahaja. Sebaliknya ia dipengaruhi oleh empat faktor yang digambarkan sebagai sebuah piramid, iaitu kekuatan daripada aspek ekonomi serta pengeluaran, ketenteraan-keselamatan, kewangan dan aspek tahap ilmu dan teknologi.<sup>8</sup> Keempat-empat faktor ini saling melengkapi dan mempengaruhi antara satu sama lain. Kekuatan ketenteraan akan mempengaruhi kekuatan ekonomi dan pengeluaran. Misalnya, pihak Amerika Syarikat menggunakan kekuatan ketenteraannya bagi mengukuhkan kekuatan ekonominya dengan menguasai negara yang mempunyai sumber ekonomi yang kaya (seperti petroleum misalnya) bagi mengukuhkan ekonominya. Dengan ekonomi yang kuat ini akan mampu membentuk kekuatan ketenteraan. Begitulah juga kekuatan kewangan juga akan menerima kesan yang positif. Faktor pengetahuan dan teknologi juga turut mempengaruhi kekuatan hegemoni. Tahap teknologi akan memberikan kesan yang positif kepada penerokaan sumber yang lebih cekap. Begitu juga dengan tahap teknologi akan memberikan kekuatan dan kecanggihan dalam aspek ketenteraan. Ringkasnya, keempat-empat unsur atau faktor yang dinyatakan oleh Strange sebagai sebuah piramid itu saling mempengaruhi antara satu sama lain dalam menentukan sama ada sesebuah kuasa hegemoni itu menjadi lemah atau bertambah kukuh kedudukannya.

### **Kenapa ketidakstabilan ekonomi politik dunia berlaku dalam dekad sebelum Perang Dunia Kedua?**

Dekad selepas Perang Dunia Pertama, khususnya dalam tahun-tahun 1919 hingga 1939 adalah satu tempoh masa yang tidak stabil dalam ekonomi dan politik dunia. Institusi-institusi yang dibentuk, sama ada bersifat ekonomi dan politik tidak dapat memainkan peranan yang berkesan dalam mengawal dan membentuk kestabilan antarabangsa. Keadaan ini berlaku kerana tidak wujud sebuah kuasa hegemoni yang mampu berperanan mengawal daripada berlakunya konflik dan ketidakstabilan<sup>9</sup>.

Perang Dunia Pertama yang berlaku dalam tahun-tahun 1914 hingga 1918 dilihat sebagai 'hegemonic wars,' iaitu peperangan di antara dua kuasa hegemoni; Great Britain (sebagai kuasa hegemoni) dan Jerman sebagai kuasa

'counter-hegemoni' yang mencabar kuasa hegemoni yang sedia ada. Pihak Jerman dan sekutu-sekutunya, iaitu Austria-Hungary dan Turki Uthmaniah gagal mengalahkan kuasa hegemoni Great Britain dan sekutunya dalam peperangan besar (*Great War*) yang berlangsung selama empat tahun. Walaupun kuasa hegemoni Great Britain berjaya mempertahankan kedudukannya, tetapi peperangan selama empat tahun itu telah melibatkan belanja yang sangat besar yang memberi kesan buruk kepada kedudukan ekonomi Great Britain. Pihak Great Britain menanggung hutang yang berat dan mengalami masalah kewangan yang teruk kesan daripada peperangan itu. Akibat daripada Perang Dunia Pertama Great Britain dan Perancis menanggung hutang melebihi 10 billion dollars.<sup>10</sup> Dengan dasar ekonomi Amerika Syarikat serta halangan perdagangan bebas selepas Perang Dunia Pertama telah menekan dan memburukkan lagi ekonomi Great Britain dan Perancis. Great Britain tidak lagi dapat memainkan peranan dan berfungsi sebagai sebuah kuasa hegemoni sebagaimana dalam tahun-tahun sebelum meletusnya perang 1914.

Amerika Syarikat, iaitu sebuah kuasa yang tidak terlibat sepenuhnya daripada awal dalam Perang Dunia Pertama serta tidak mempunyai kesan buruk akibat Perang Dunia Pertama sebagaimana yang dialami oleh Great Britain dan Perancis, tidak mendapat pengesahan senat Amerika Syarikat bagi memainkan peranan yang lebih meluas dalam hal ehwal antarabangsa dalam tahun-tahun 1920-an dan 1930-an. Walaupun terdapat organisasi antarabangsa yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama (iaitu *the League of Nations*) bagi menyusun semula ekonomi dan politik serta membentuk kestabilan dan kemakmuran antarabangsa, tanpa sebuah kuasa hegemoni yang benar-benar berkuasa matlamatnya gagal dicapai. Idea-idea Presiden Woodrow Wilson tidak boleh dilaksanakan walaupun *League of Nations* sebenarnya mempunyai peraturan serta matlamat amat murni bagi membentuk kestabilan antarabangsa.

Liga Bangsa-Bangsa adalah sebuah organisasi antarabangsa yang mantap daripada struktur dan peraturan-peraturan yang dibentuk. Misalnya Artikel 10, 11, 12, 15 dan 16 menyentuh secara langsung tentang keselamatan dan kestabilan antarabangsa. Sekiranya artikel-artikel ini berjaya dilaksanakan (ada kuasa hegemoni yang benar-benar berkuasa), maka kestabilan adalah lebih mungkin untuk dicapai. Dalam Artikel 12 dan 15 menyatakan bahawa

negara-negara yang bertelingkah akan menyerahkan kepada pihak arbitrator bagi menyelesaikan pertelingkahan mereka, dan negara yang bertelingkah tidak akan mengambil keputusan melakukan peperangan selepas tempoh masa tiga bulan proses timbang tara itu gagal. Artikel 16 amat bermanfaat bagi jaminan keselamatan jika ia berjaya dilaksanakan kerana menyatakan bahawa mana-mana peperangan yang tidak mengendahkan prosedur Liga Bangsa-Bangsa adalah dianggap sebagai peperangan melawan semua negara anggota Liga Bangsa-Bangsa. Negara yang bertindak memulakan peperangan akan dikenakan sekatan ekonomi serta-merta dan *Council of the League* seterusnya akan mengesyorkan tindakan ketenteraan ke atas negara itu.<sup>11</sup>

Tanpa kuasa hegemoni, peraturan itu tidak mempunyai sebarang makna dalam struktur politik dunia yang bersifat anarki, iaitu tiada kuasa pusat yang boleh memaksa dan melaksanakan mana-mana aktor untuk menerima dan mengikut peraturan. Itali telah melakukan pencerobohan ke atas Ethiopia dalam tahun 1934 dan 1935. Jepun juga bertindak melakukan serangan ke atas Manchuria dalam tahun 1931 dan 1932. *League of Nations* tidak bertindak sebagaimana yang termaktub dalam peraturan yang ditetapkan dalam Liga Bangsa-Bangsa. Tindakan Jepun dan Itali itu secara jelas bercanggah dengan prinsip Liga Bangsa-Bangsa, khususnya Artikel 15 dan 16, tetapi tanpa kuasa yang kuat (kuasa hegemoni), maka peraturan itu tidak mempunyai sebarang makna. Tindakan Jepun dan Itali tidak dapat dihalang kerana tidak ada kuasa hegemoni yang berpengaruh. Great Britain dan Perancis tidak mampu kerana kedudukan ekonominya yang merosot serta kekuatan ketenteraannya yang lemah.

Dasar isolasi yang diamalkan oleh Amerika Syarikat mempunyai kaitan dan hubungan dengan tindakan yang dilakukan oleh Jerman, Jepun dan Itali. Sekatan perdagangan dilakukan oleh Amerika Syarikat bagi melindungi kepentingan ekonomi mereka tanpa mengambil kira kesan kepada ekonomi politik global.<sup>12</sup> Negara-negara Eropah gagal mengamalkan perdagangan bebas secara meluas akibat daripada sekatan perdagangan oleh Amerika Syarikat. Ekonomi mereka disekat dan tidak berkembang. Akibatnya, negara-negara ini tidak dapat membangunkan ekonomi selepas perang. Tekanan pampasan perang dilakukan ke atas Jerman. Tekanan ekonomi oleh Great Britain dan Perancis ke atas Jerman membawa kepada dasar radikal Jerman

dalam tahun 1930-an dan perang besar kedua 1939. Negara-negara yang tidak mempunyai tanah jajahan yang luas bagi mendapatkan bahan-bahan mentah industri menerima kesan yang lebih buruk. Negara Jepun misalnya tidak mempunyai tanah jajahan yang luas seperti Great Britain dan Perancis. Maka, Jepun terpaksa melakukan perluasan wilayah dengan melakukan serangan ke atas Manchuria dalam awal tahun 1930-an. Taiwan dan Semenanjung Korea tidak mampu menampung keperluan bahan mentah bagi perindustrian Jepun. Tindakan Jepun ke atas Asia Tenggara dalam awal tahun 1940-an yang membawa kepada meletusnya Perang Pasifik mempunyai hubungan dengan keperluan bahan mentah dan kepentingan ekonomi Jepun akibat sekatan yang dikenakan oleh kuasa-kuasa Barat, khususnya Amerika Syarikat.<sup>13</sup>

Keadaan ekonomi dan politik dunia dalam tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua telah membawa pengajaran dan perubahan besar kepada dasar terbuka Amerika Syarikat selepas Perang Dunia Kedua.<sup>14</sup> Amerika Syarikat menyedari bahawa dasar ekonomi tertutup, khususnya dengan tidak memasukkan Jepun dan Jerman ke dalam lingkungan pengaruh ekonomi global telah menyebabkan negara-negara ini bertindak radikal dan membawa kepada meletusnya Perang Dunia Kedua. Amerika Syarikat perlu berperanan sebagai kuasa hegemoni dan mengatur perjalanan ekonomi dan politik global setelah Great Britain lemah dan tidak mampu berperanan sebagai sebuah kuasa hegemoni seperti sebelum Perang Dunia Pertama.

### **Kenapa kestabilan ekonomi politik dunia terbentuk selepas Perang Dunia Kedua dan apa hubungannya dengan kuasa hegemoni?**

Amerika Syarikat telah mengubah peranannya dalam ekonomi dan politik global selepas Perang Dunia Kedua kerana menyedari bahawa tanpa sebuah kuasa yang berkesan akan membawa kepada keadaan yang tidak stabil. Perang Dunia Kedua meletus adalah ekoran daripada ketiadaan sebuah kuasa yang berkuasa (kuasa hegemoni) memainkan peranan dalam pengurusan ekonomi dan politik global. Sekiranya Amerika Syarikat memainkan peranan dalam pengurusan ekonomi dan politik global sejak tahun-tahun 1920-an, mungkin konflik besar kedua yang mula meletus di Eropah dalam tahun 1939 (tindakan kuasa Jerman) dan di rantau Asia Pasifik (tindakan kuasa Jepun) yang meletus dalam tahun 1941 dapat dielakkan.



Dalam tempoh masa terdekat sebelum berakhirnya Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat dan sekutu kuatnya Great Britain telah mengadakan *Bretton Woods Conference*, di Bretton Woods, New Hampshire pada Julai 1944 dengan tujuan utama menyusun semula ekonomi global selepas Perang Dunia Kedua agar satu pengurusan global yang lebih baik dapat dilakukan.<sup>15</sup> Antara tokoh penting dalam persidangan pada Julai 1944 ini ialah Harry Dexter White dan John Maynard Keynes.

Kesilapan dasar ekonomi kuasa besar utama tidak harus diulang bagi membentuk situasi ekonomi dan politik global yang stabil. Semua negara mesti dimasukkan ke dalam *global economic sphere* dan memainkan peranan, khususnya negara-negara Eropah dan Jepun yang mempunyai asas ekonomi industri dan tahap teknologi yang kuat. Pengasingan atau dasar yang memisahkan mana-mana negara daripada arus pembangunan global akan menimbulkan kesan ekonomi dan politik yang buruk. Falsafah dan pendapat ini telah disuarakan lebih awal ketika Persidangan Versailles oleh Keynes ketika berada dalam persidangan itu dalam tahun 1919. Keynes berpendapat, tekanan ekonomi dan pampasan ganti rugi berat yang diberikan kepada Jerman (sebagai hukuman akibat dikatakan bersalah dalam memulakan Perang Dunia Pertama 1914) adalah suatu yang tidak wajar.<sup>16</sup> Tindakan menekan pihak Jerman ini akan memberikan implikasi ekonomi dan politik masa depan yang buruk. Namun, pandangan Keynes dalam persidangan 1919 itu tidak diterima dan diketepikan begitu sahaja. Tindakan radikal oleh pihak Hitler (Jerman) dan Mussolini (Itali) yang berlaku dalam tahun-tahun 1930-an adalah apa yang telah dijangkakan oleh Keynes dalam tahun 1919.

Hasil daripada *Bretton Woods Conference* 1944 itu tertubuhlah dua buah organisasi ekonomi yang memainkan peranan dalam penyusunan semula ekonomi dunia, iaitu *World Bank* dan *International Monetary Fund* (IMF) dan kemudiannya *General Agreement on Tariff and Trade* (GATT). Ketiga-tiga badan ini bertujuan menyusun semula perjalanan ekonomi global selepas perang agar lebih licin dan teratur. Adakah badan ini mampu melaksanakan tugasnya dengan licin dan berkesan tanpa sebuah kuasa hegemoni? Jawapan yang dapat diberikan adalah tanpa sebuah kuasa hegemoni, maka badan ini tidak akan dapat berfungsi dan memberikan kesan yang positif terhadap kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi global. Semua ini mampu

berjalan dengan berkesan kerana adanya kuasa hegemoni yang memastikan aktiviti badan ini berfungsi dengan baik dan matlamatnya tercapai.

Amerika Syarikat telah memainkan peranan penting dalam menstrukturkan semula ekonomi dunia. Bank Dunia atau juga dikenali dengan nama *Bank of Reconstruction and Development* adalah penting dalam menyusun dan membangunkan semula ekonomi negara-negara yang menerima kesan buruk akibat Perang Dunia Kedua. Dalam tahun-tahun awal, negara-negara Eropah yang mendapat bantuan ekonomi daripada Bank Dunia, namun kemudiannya negara sedang membangun juga telah mendapat faedah daripada institusi-institusi di bawah Bank Dunia seperti *International Development Association* (IDA).

*Marshall Plan* dan *Doktrin Yoshida* telah memberikan kesan yang positif kepada pembangunan semula negara-negara terlibat. *Marshall Plan* adalah rancangan yang dikhaskan kepada pembangunan negara-negara Eropah yang terjejas teruk akibat Perang Dunia Kedua. Penyusunan dan pembangunan semula ekonomi Eropah berjalan lancar di bawah *Marshall Plan* ini. Begitulah juga dengan *Doktrin Yoshida* yang dilancarkan bagi penyusunan dan pembangunan semula ekonomi Jepun selepas perang. Tumpuan khusus pembangunan ekonomi Jepun dilakukan oleh sokongan kuat Amerika Syarikat. Pihak Jepun hanya memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi semata-mata, manakala keselamatan dan ketenteraan Jepun dilindungi oleh Amerika Syarikat. Perubahan struktur politik dunia daripada struktur yang bersifat multipolar sebelum Perang Dunia Kedua kepada struktur baharu yang bersifat bipolar selepas Perang Dunia Kedua telah mempengaruhi pihak Amerika Syarikat dalam penyusunan, bantuan dan sokongan ekonomi terhadap negara-negara yang bersifat demokrasi kapitalis (pro-Amerika Syarikat).

Pembentukan pakatan keselamatan yang disokong kuat oleh Amerika Syarikat seperti *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) (1949) di Eropah, *South East Asia Treaty Organization* (SEATO) (1954) di Asia Tenggara dan pakatan-pakatan yang bersifat bilateral seperti Pakatan Pertahanan Amerika Syarikat-Jepun (1951), Amerika Syarikat-Korea Selatan (1953) dan Amerika Syarikat-Taiwan (1954) telah membantu mewujudkan *public international*

*goods* yang amat berkesan kepada kestabilan dan kelicinan pembangunan semula selepas perang khususnya di rantau yang diistilahkan sebagai *American Economic Sphere*.

Penglibatan negara-negara Eropah Barat dan Jepun dalam ekonomi global telah dilihat penting oleh kuasa hegemoni Amerika Syarikat. Keadaan politik dan ekonomi dunia akan menerima kesan buruk sekiranya aktor penting ekonomi dunia tidak dibenarkan berada dalam *sphere of global economy*. Tahun-tahun antara Perang Dunia menjadi tidak stabil dan ia didapati mempunyai hubungan dengan faktor peranan Jerman dan Jepun dalam ekonomi dan politik dunia yang diketepikan. Amerika menyedari bahawa keputusan itu adalah sesuatu yang tidak tepat. Satu daripada pengajaran besar oleh Amerika Syarikat tentang Perang Dunia Kedua adalah kegagalannya mengurus ekonomi dunia dalam tahun-tahun selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama. Sekiranya Amerika Syarikat memainkan peranan sebagai sebuah kuasa hegemoni dan menguruskan ekonomi dunia dengan baik dalam tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, keadaan ekonomi dan politik antarabangsa yang lebih stabil dapat dibentuk.

Menggantikan Liga Bangsa-Bangsa kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan penglibatan Amerika Syarikat secara aktif juga adalah sesuatu yang perlu dalam membentuk kestabilan antarabangsa. Tindakan Amerika Syarikat tidak menjadi anggota Liga Bangsa-Bangsa selepas Senat Amerika Syarikat menolaknya juga adalah satu kesilapan. Dengan ketiadaan Amerika Syarikat sebagai salah sebuah negara anggota dalam Liga Bangsa-Bangsa, organisasi itu menjadi lemah dan tidak berkesan. Bagi menggerakkan sesebuah organisasi antarabangsa dengan berkesan, maka penglibatan semua negara yang berada dalam sistem antarabangsa adalah sesuatu yang perlu, khususnya negara kuasa besar utama. Tanpa peranan yang dimainkan oleh negara kuasa besar utama seperti Amerika Syarikat, organisasi itu tidak dapat berjalan dengan berkesan. Amerika Syarikat kemudiannya memainkan peranan yang aktif dalam PBB selepas Perang Dunia Kedua. Tanpa peranan yang dimainkan oleh kuasa hegemoni, organisasi antarabangsa seperti PBB tidak akan mampu berfungsi dengan berkesan.

## Perbincangan dan Rumusan

Sebuah kuasa hegemoni penting dalam menjamin kestabilan ekonomi dan politik antarabangsa. Kuasa hegemoni mampu melaksanakan perancangan dan peraturan serta undang-undang yang dibentuk. Tanpa sebuah kuasa hegemoni, sebaik manapun sesebuah organisasi dan peraturan itu dibentuk, ia tidak akan membawa makna kerana tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang berkesan. Apa yang berlaku dalam tempoh masa sebelum Perang Dunia Kedua dan selepas perang adalah jelas sebagai satu bukti. Keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil yang berlaku dalam tempoh masa sebelum Perang Dunia Kedua adalah dipengaruhi oleh pihak Amerika Syarikat yang bersifat isolasi dan tidak memainkan peranan dalam hal ehwal global. Ketidakstabilan ini dapat dielak sekiranya sebuah kuasa hegemoni memainkan peranan dengan berkesan. Perang Dunia Kedua yang berlaku dalam tahun-tahun 1939 – 1945 adalah akibat daripada ketidakstabilan yang berlaku dalam 1930-an, khususnya kemelesetan ekonomi yang berlaku dalam akhir tahun 1920-an dan awal 1930-an. Pihak Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang lebih aktif dalam tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua dengan mengubah dasar luarnya secara terbuka dan melibatkan diri dalam hal ehwal dan pergolakan global. Institusi-institusi yang dibentuk adalah bagi penyusunan *order* baharu selepas era perang. Keberkesanan peranan kuasa hegemoni itu dapat dilihat dalam keadaan yang sangat berbeza di antara tempoh masa sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Kestabilan selepas Perang Dunia Kedua adalah berkait rapat dengan peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat secara berkesan.

## Nota

- <sup>1</sup> Lihat Kindleberger, Charles, P. 1981. 'Dominance and Leadership in the International Economy: Exploitation, Public Goods, and Free Rides,' *International Studies Quarterly*, Vol. 25, June 1981, hlm. 27.
- <sup>2</sup> Gilpin, Robert. 2001. *Global Political Economy: Understanding The International Economic Order*; Princeton & Oxford: Princeton University Press, hlm. 93.
- <sup>3</sup> Kegagalan menghukum tindakan Jepun ke atas Manchuria, 1931–1932 dan pencerobohan Itali ke atas Ethiopia 1934–1935 telah membawa kesan besar kepada kestabilan antarabangsa. Sekiranya pencerobohan ini berjaya disekat oleh kuasa hegemoni, konflik yang lebih besar mungkin dapat dielakkan. Perbincangan lanjut mengenai tindakan Itali, sila lihat John & Stokes, G. 1973. *Europe and Modern World 1870–1970*, London: Longman, hlm. 235–237 dan bagi tindakan Jepun sila lihat Howarth, Tony. 1980. *Twentieth Century History: The World since 1900*, London: Longman, hlm. 108–111.

- <sup>4</sup> Perbincangan lanjut sila lihat Nye, Joseph, S. (jr.), *Understanding International Conflict: An Introduction to Theory and History*, hlm. 90–93.
- <sup>5</sup> Lihat Mohd. Noor Yazid, 2007, *Hegemonic Powers, Radical Politics & Developmental Politics*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, hlm. 29–30.
- <sup>6</sup> Great Britain mengalami kesan yang sangat buruk akibat daripada Perang Dunia Pertama 1914–1918. Bagi melihat kesan buruk ekonomi Great Britain akibat peperangan ini sila lihat Hill, C. P., 1975, *British Economy and Social History 1700–1964*. (3rd ed.). London: Edward Arnold, hlm. 238–240 di bawah subtopik ‘The Economic Legacy of the War.’
- <sup>7</sup> Kelemahan Soviet Union mempunyai hubungan rapat dengan faktor kemerosotan ekonomi yang dialaminya dalam pertengahan tahun 1980-an yang membawa kepada berakhirnya Perang Dingin pada 1991. Sila lihat Hsiung, James, C. 1993, ‘Asia Pacific in the Post-Cold War Order. Dlm. Hsiung, James, C. (ed.). *Asia Pacific in The New World Politics*, Boulder & London: Lynne Rienner Publishers, hlm. 2–3.
- <sup>8</sup> Aspek ketenteraan dan keselamatan dilihat daripada aspek ‘the ability to threaten or protect other countries’ physical security by resorting to arms; aspek ekonomi-pengeluaran dilihat daripada aspek keupayaan ‘to control the global system of production of goods and services; aspek kewangan dilihat daripada ‘the ability to shape the international capital market of finance and credit’ dan; aspek ilmu dan teknologi dilihat daripada aspek ‘the ability to direct the development, accumulation and transfer of knowledge.’ Perbincangan lanjut tentang empat aspek yang dikemukakan oleh Strange ini sila lihat, Strange, 1987. ‘The Persistent Myth of Lost Hegemony,’ *International Organization*, Vol. 41, 1987, hlm. 560–575.
- <sup>9</sup> Lihat Mohd. Noor Yazid. 2007. *Hegemonic Powers, Radical Politics & Developmental State*, hlm. 24 dan 25, nota kaki no. 26 dan no. 28.
- <sup>10</sup> Lihat Burk, Kathleen. 1985. *Britain, America and the Sineus War, 1914–1918*, Boston: Allen and Unwin.
- <sup>11</sup> Article 16 League of Nations menyatakan ‘any war disregarding the League of Nations procedures would be regarded as at war against all the members of the League of Nations. The state that started a war would be immediately subject to economic sanctions, and the Council of The League of Nations might recommend further military measures.
- <sup>12</sup> Perbincangan lanjut sila lihat Oatley, Thomas. 2012. *International Political Economy* (5<sup>th</sup> edition), Boston: Longman, hlm. 17 dan 18.
- <sup>13</sup> Perbincangan lanjut mengenai persoalan ini sila lihat Marshall, Jonathan. 1995. *To Have and Have Not: Southeast Asian raw materials and the origins of the Pacific War*, Berkeley & Los Angeles: University of California Press.
- <sup>14</sup> Lihat Oatley, Thomas. 2012. *International Political Economy* (5<sup>th</sup> edition), hlm. 18 dan 19.
- <sup>15</sup> Lihat Balaam, David, N., & Veseth, Michael. 2008. *Introduction to International Political Economy* (4<sup>th</sup> edition), Upper Saddle River, N. J: Pearson Education, hlm. 108.
- <sup>16</sup> Perbincangan lanjut persoalan yang dikemukakan oleh Keynes ini sila lihat, Keynes, John Maynard. 2007. *The Economic Consequences of the Peace* (Introduction by Volcker, Paul, A.), New York: Skyhorse Publishing.

## Rujukan

- Balaam, D. N., & Veseth, M. (2008). *Introduction to International Political Economy* (4th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Burk, Kathleen. (1985). *Britain, America and the Sineus War, 1914–1918*. Boston: Allen and Unwin.
- Cha, V. D. (2009). Powerplay: Origin of the U.S. Alliance System in Asia. *International Security*, Vol. 34, (3), (Winter 2009/2010), hlm. 158–196.
- Gadzey, Anthony Tuo-Kofi. (1994). *The political economy of power: Hegemony and economic liberalism*. New York: St Martin's Press.
- Gilpin, R. (1971). The politics of trans-national economic relations. *International Organisation*, Vol. 25, (3), summer 1971.
- Gilpin, R. (2001). *Global political economy: Understanding the international economic order*. Princeton & Oxford: Princeton University Press.
- Hill, C. P. (1975). *British economy and social history 1700–1964* (3rd ed.). London: Edward Arnold.
- Howarth, T. (1980). *Twentieth Century history: The world since 1900*. London: Longman.
- Hsiung, J. C. (1993). Asia Pacific in the Post-Cold War Order. In Hsiung, James, C. (ed.). *Asia Pacific in The New World Politics*, Boulder & London: Lynne Rienner Publishers, hlm, 2–3.
- Keohane, R. O. (1984). *After hegemony: Cooperation and discord in the world political economy*. Princeton, N. J.: Princeton University Press.
- Keylor, W. R. (1992). *The twentieth century world: An international history* (2nd ed.). New York: Oxford University Press.
- Keylor, W. R. (2003). *A world of nations: The international order since 1945*. New York: Oxford University Press.
- Keynes, J. M. (2007). *The economic consequences of the peace* (Introduction by Volcker, Paul, A.). New York: Skyhorse Publishing.
- Kindleberger, C. P. (1981). Dominance and leadership in the international economy: Exploitation, public goods and free rides. *International Studies Quarterly*, Vol. 25, June 1981.
- Lairson, T. D. & Skidmore, D. (2003). *International political economy: The struggle for power and wealth (third edition)*. Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Lake, D. A. (1983). International economic structures and American economic policy, 1887–1934. *World Politics*. Vol. 35, (4), July 1983, hlm. 517 – 543.
- Marshall, J. (1995). *To have and have not: Southeast Asian raw materials and the origins of the Pacific War*. Berkeley & Los Angeles: University of California Press.
- Milward, A. S. (1989). Was the Marshall Plan necessary? *Diplomatic History*, Vol. 13, hlm. 231–253.

- Mohd. Noor Yazid. (2007). *Hegemonic powers, radical politics & developmental politics*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Nye, J. S. (2003). *Understanding international conflict: An introduction to theory and history*. Boston: Longman-Pearson.
- Oatley, T. (2012). *International political economy* (5th ed.). Boston: Longman-Pearson.
- Ross, G. (1997). *The great powers and the decline of the European States System 1914–1945*. London and New York: Longman.
- Scott, P. D. (1985). The United State and the Overthrow of Sukarno. 1965–1967. *Pacific Affairs*, Vol. 58 (Summer 1985), hlm. 239–264.
- So, A. Y. & Chiu, S. W.K. (1995). *East Asia and the world economy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Spero, J. E. (1977). *The politics of international economic relations*. Boston: George Allen & Unwin.
- Strange, S. (1987). The persistent myth of lost hegemony. *International Organization*, Vol. 41 (1987), hlm. 560–575.
- Stubbs, R. (1994). The political economy of the Asia-pacific region. In Stubbs, Richard & Underhill, Geoffrey, R. D. (eds.), *Political Economy and the Changing Global Order*, London; Macmillan, hlm. 366–376.
- Stubbs, R. (1989). Geopolitics and the political economy of Southeast Asia. *International Journal*. Vol. 44, (Summer 1989), hlm. 520–526.
- Webb, M. C., & Krasner, S. D. (1989). Hegemonic stability theory: An empirical assessment. *Review of International Studies*, Vol. 15, (2).
- Yahuda, M. (1995). *International politics of Asia-Pacific region 1945–1995*. London and New York: Routledge.
- Yahuda, M. (2004). *International politics of the Asia Pacific (Revised and enlarged edition)*. London and New York: Routledge.

